



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

Y.B. MENTERI

Y.B. TIMBALAN MENTERI

Y.BHG. KSU

Y.BHG. TKSU (PDN)

Y.BHG. TKSU (PUP)

SETIAUSAHA AKHBAR

28 NOVEMBER 2021 (AHAD)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

28 NOVEMBER 2021 (AHAD)

Bantuan kewangan pemain industri pertanian

Kerajaan umum keputusan dalam tempoh terdekat

Kaedah ringankan beban kos operasi beri impak kepada harga barang di pasaran

Oleh Nazura Ngah
nazura_ngah@bh.com.my

Putrajaya: Kerajaan akan mengumumkan keputusan mengenai bantuan kewangan kepada pemain industri pertanian dalam tempoh terdekat sebagai kaedah meringankan beban kos operasi yang memberi impak kepada harga barang di pasaran.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata pihaknya bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan

(MAFI), sudah mengemukakan cadangan itu kepada Kementerian Kewangan (MOF) pada 24 November lalu.

"Sesi perjumpaan dan perbincangan sudah diadakan dengan MOF. Mereka (MOF) secara dasarnya bersetuju mempertimbangkan saranan cadangan daripada kedua-dua kementerian. Sebarang keputusan berkaitan bantuan kewangan kepada pemain industri akan diumumkan oleh MOF," katanya dalam satu kenyataan, di sini, semalam.

Katanya, bantuan kewangan yang bakal diberikan itu dijangka mampu menyerap lonjakan kos yang terpaksa ditanggung pengguna.

"Melalui sesi libat urus yang dijalankan KPDNHEP, MAFI bersama pihak berkepentingan serta pemain industri pertanian, mereka yang terkesan memaklumkan keperluan untuk mendapatkan bantuan kewangan daripada kerajaan bagi membantu meringankan beban kos operasi.

"Selain itu, pegawai penguat kuasa dan pemantau harga KPDNHEP secara proaktif akan memantau dan memeriksa harga barang di seluruh negara bagi memastikan harga barang, termasuk sayur-sayuran berada dalam keadaan stabil.

"Tindakan akan dikenakan ketatas mana-mana peniaga di setiap rantai bekalan jika terdapat unsur pengambilan keuntungan secara tidak munasabah (mencatut) di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011," katanya.

Dalam pada itu, Alexander berkata, kenaikan harga sayur keleuaran tempatan dikesan berlaku di beberapa tempat dan berpuncak daripada faktor cuaca, logistik serta peningkatan kos baja dan racun.

Katanya, isu seperti hujan lebat, banjir dan tanah runtuh di Cameron Highlands turut menjelaskan rantalian pengedaran, terutama bagi sayur dari tanah tinggi itu.

"Kesukaran mendapatkan te-

naga kerja menyebabkan hasil tidak dapat dikeluarkan secara maksimum, sekali gus mengakibatkan bekalan berkurangan yang akhirnya menyumbang kepada punca kenaikan harga sayuran di pasaran.

"Bagi sayuran import pula, harga di negara pengeluar yang meningkat, selain masalah pengeluaran lain seperti kenaikan harga input pertanian dan cuaca di negara itu turut memberi kesan," katanya.

Bagaimanapun, beliau menerangkan kebanyakhan harga sayuran masih terkawal dan berbeza mengikut lokasi.

"Kenaikan harga sayur seperti dilaporkan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) bukan fenomena di seluruh negara.

"Hasil pemeriksaan dan pemantauan di seluruh negara mendapat pembukaan semula semua sektor ekonomi menyebabkan berlaku permintaan tinggi secara mendadak terhadap barang seperti telur, ayam dan juga sayur.

“Bantuan kewangan bakal diberikan itu dijangka mampu menyerap lonjakan kos terpaksa ditanggung pengguna”

**Alexander Nanta Linggi,
Menteri
Perdagangan
Dalam Negeri
dan Hal Ehwal
Pengguna**

"Peningkatan ini tidak sepadan dengan keupayaan pengeluar barang itu yang mengurangkan kuantiti pengeluaran ketika pandemik akibat permintaan berkurangan," katanya.

Beliau berkata, kenyataan dibuat CAP berdasarkan pemantauan di empat pasar malam di Pulau Pinang itu tidak wajar diambil secara umum yang boleh menimbulkan persepsi tidak tepat serta keresahan dalam kalangan pengguna.

"Bagi memastikan hak pengguna sentiasa dijaga dan segenap kelompok masyarakat dapat memperoleh bekalan asas pada harga berpatutan, orang ramai dicadang menggunakan aplikasi Price Catcher yang dibangunkan KPDNHEP," katanya.

TANGANI ISU KENAIKAN HARGA BARANG MENTAH

TUBUH JAWATANKUASA BERSAMA

Oleh Ekhwan Haque
 Fazlul Haque
 ekhwan@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) menubuhkan jawatankuasa bersama pemain industri bagi mendapatkan pandangan serta cadangan berhubung isu kenaikan harga bahan mentah.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, menerusi sesi libat urus, pemain industri mahu mendapatkan bantuan ke-

wangan daripada kerajaan bagi meringankan beban kos operasi yang secara tidak langsung memberi kesan kepada harga barang di pasaran.

peningkatan yang setakat ini dikesan berlaku hanya di beberapa kawasan dan bersifat terpencil mampu ditangani sepenuhnya.

"Peruntukan kewangan yang bakal diberikan kepada pengeluar diunjurkan mampu menyerap lonjakan kos yang akhirnya terpaksa ditanggung pengguna.

Alexander



"Perincian lanjut berhubung usaha ini akan dimulakan dari semasa ke semasa," katanya semalam.

Menurut beliau, pemantauan dan permeriksaan harga barang juga dilakukan secara aktif dan proaktif setiap hari oleh penguat kuasa serta pegawai pemantau harga KPDNHEP di seluruh negara untuk memastikan harga barang termasuk sayur berada dalam keadaan stabil.

Alexander berkata, KPDNHEP boleh mengambil tindakan ke atas mana-mana perniaga di setiap rantau ia bekalan sekiranya

terdapat unsur pengambilan keuntungan secara tidak munasabah mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti-pencatutan (AKHAP) 2011.

Tambahnya, pernantauan dilaksanakan mendapat kebanyakannya harga sayur masih terkawal dan berbeza mengikut lokasi serta bukan fenomena di seluruh negara.

"Hasil pemeriksaan dan pemantauan dilakukan juga mendapat, pembukaan semula semua sektor ekonomi menyebabkan berlaku permintaan yang tinggi secara mendadak terhadap barang seperti telur, ayam dan sayur.

"Peningkatan ini tidak sepadan dengan keupayaan pengeluar barang berke-

naan yang mengurangkan kuantiti pengeluaran semasa pandemik akibat perminatan berkurangan," katanya.

Menurut beliau, kenaikan harga sayur tempatan berlaku di beberapa tempat akibat faktor cuaca, logistik, peningkatan kos baja dan racun selain hujan lebat, banjir serta tanah runtuh di Cameron Highlands serta kawasan tanaman sayur di sekitar tanah tinggi itu.

"Selain itu, kesukaran mendapatkan tenaga kerja menyebabkan hasil tidak dapat dikeluarkan secara maksimum. Ia mengakibatkan bekalan berkurangan yang menyumbang kepada kenaikan harga sayur di pasaran," katanya.

KPDNHEP sangkal dakwaan CAP harga sayur naik seluruh negara

Bukan semua tempat harga sayur naik

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA — Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menyangkal dakwaan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) bahawa harga sayur naik di seluruh negara.

Sebaliknya pihaknya mendapati pemantauan CAP itu di setengah kawasan sahaja.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, pembukaan semula semua sektor ekonomi menyebabkan berlaku permintaan yang sangat tinggi secara mendadak terhadap barangan seperti telur, ayam dan sayur.

Menurutnya, peningkatan ini tidak sepadan dengan keupayaan pengeluar barang tersebut yang telah mengurangkan kuantiti pengeluaran semasa pandemik akibat permintaan berkurangan, malah ia bukan sahaja berlaku di Malaysia bahkan fenomena dunia.

Kenaikan harga sayur keluaran tempatan dikesan di beberapa tempat dan berpunca daripada faktor cuaca, logistik dan peningkatan kos bahan dan rakan. Isu seperti hujan lebat, banjir dan tanah runtuh di Cameron



ALEXANDER

Highlands serta kawasan taman sayur sekitarnya turut menjelaskan rantai pengedaran terutama bagi sayur-sayur dari tanah tinggi tersebut.

"Selain itu, kesukaran mendapatkan tenaga kerja menyebabkan hasil tidak dapat dikeluarkan secara maksimum, sekali-gus mengakibatkan bekalan berkurangan yang akhirnya telah menyumbang kepada punca kenaikan harga sayur-sayuran di pasaran," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Ujar Alexander, bagi sayur-sayuran import pula, harga di negara pengeluar yang meningkat dan masalah pengeluaran lain seperti isu kenaikan harga input pertanian dan cuaca di negara



ANGGOTA penguat kuasa KPDNHEP bertanyakan sesuatu kepada peniaga sayur di Pasar Besar Jalan Othman, Petaling Jaya baru-baru ini.

pengeluar turut memberi kesan.

Tambah beliau, kenyataan Persatuan Penanam Sayur Cameron Highlands sangat optimistik bahawa harga sayur berpotensi untuk kembali stabil apabila pengeluaran dapat ditingkatkan pada tahap normal dengan bantuan cuaca, logistik dan penambahan

tenaga buruh di ladang.

Berikut itu, Alexander berkata, kenyataan oleh CAP berdasarkan pemantauan di empat pasar awam di Pulau Pinang telah menimbulkan persepsi tidak tepat serta keresahan dalam kalangan pengguna seolah-olah berlaku di seluruh negara.



KERATAN Kosmo! kelmarin.



PENGARAH KPDNHEP Johor, Mohd. Hairul Anuar Bohro telah mengetual pemeriksaan di Pasar Awam Taman Universiti, Johor Bahru semalam.

KPDNHEP Johor keluar 64 notis kepada peniaga sayur

JOHOR BAHRU – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Johor telah mengeluarkan sebanyak 64 notis kepada peniaga sayur-sayuran bagi menyiasat aduan berkaitan kenaikan harga sayuran seperti tomato, lobak, kubis bulat dan cili merah.

KPDNHEP Johor dalam satu kenyataan berkata, notis itu dikeluarkan agar siasatan dijalankan untuk mengesan sekiranya wujud sebarang elemen pencatutan.

Menurut kenyataan itu lagi, 10 aduan yang diterima berkaitan kenaikan harga telah disiasat di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AK-HAP) 2011 dengan dikenakan tindakan kompaun.

"KPDNHEP Johor maklum akan kenaikan beberapa jenis barang basah dan barang segar di lokasi tumpuan seperti pasar awam dan pasar basah.

"Ini berikutan pembukaan semula hampir keseluruhan sektor ekonomi perniagaan," ujar kenyataan itu.

365 premis diperiksa, 57 notis dikeluarkan

Shah Alam: Sejumlah 365 premis diperiksa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor bagi pemantauan harga ayam serta telur bermula 8 hingga 25 November lalu.

Pemeriksaan berkenaan dilaksanakan pegawai penguat kuasa serta pegawai pemantau harga dari enam cawangan KPDNHEP negeri ini di pelbagai premis perniagaan termasuk pasar awam, pasar basah, kedai runcit serta pasar raya.

Pengerusi Jawatankuasa

Tetap Agama Islam, Pengguna dan Industri Halal Selangor, Mohd Zawawi Ahmad Mugnhi berkata, menerusi pemeriksaan itu sebanyak 57 notis Seksyen 21, Akta Kawalan Harga Dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 dikeluarkan untuk mendapatkan justifikasi harga jual runcit.

Katanya, sebanyak tujuh kes dihasilkan daripada notis berkenaan iaitu kesalan mengambil untung secara berlebihan (mencatut) mengikut Seksyen 14 dan Seksyen 4 AKHAP 2011.

Pantau elak harga naik melampau

Alor Setar: Sebanyak 342 pemeriksaan dilakukan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kedah ke atas pasar awam utama di negeri ini sejak 1 November lalu untuk memastikan tidak berlaku kenaikan harga barangan mendasar.

Pengarahnya, Rae Morn Verak berkata, pihaknya meramandang serius isu kenaikan harga barangan termasuk sayur-sayuran dan barangan mentah sejak akhir-akhir ini.

Katanya, kenaikan harga barangan seperti ayam dan sayur-sayuran berpun-

ca daripada peningkatan kos operasi syarikat pertanian, kos import, kenaikan harga baja dan racun antara yang menyumbang kepada kenaikan harga produk itu di pasaran.

"Sebahagian besar kos operasinya membabitkan kos makanan dengan hampir 100 peratus diimport dari negara asing seperti jagung dan soya.

"Pihak KPDNHEP Kedah menggerakkan 172 pegawai penguat kuasa dan 51 pegawai pemantau harga (PPH) di seluruh negeri ini bagi memantau serta menangani isu kenaikan harga barangan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

172 pegawai penguat kuasa dan 51 PPH digerakkan untuk pantau harga

Sayur tanah tinggi mahal



PENIAGA sayur Pasar Pagi Ampangan, Mila Osiman menyusun barang jualan ketika tinjauan kenaikan harga barang terutama sayuran, semalam. Beliau berkata, beberapa sayuran mengalami kenaikan harga terutama sayuran dari tanah tinggi antaranya brokoli, kacang buncis, kubis bunga dan sawi.

Johor Bahru: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Johor mengeluarkan 64 notis kepada peniaga sayur bagi menyiasat aduan kenaikan harga jalan.

Pengarab KPDNHEP Johor, Mohd Hairul Anuar Bohro berkata, notis itu susulan pemeriksaan yang dijalankan sejak Januari lalu hingga kelmarin bagi mengesan wujud sebarang elemen pencatutan.

Katanya, notis mengikut Seksyen 21, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 itu dikeluar-

64 peniaga sayur diberi notis ekoran aduan pengguna

kan khusus bagi jualan sayuran seperti tomato, lobak, kubis bulat dan cili merah.

"KPDNHEP Johor maklum aduan berkaitan kenaikan barang keperluan harian seperti barang basah dan barang segar terutama di pasar awam dan basah, berikutan pembukaan semula hampir keseluruhan sektor ekonomi perniagaan.

"Pemeriksaan juga bagi memantau kenaikan harga

barang keperluan utama rakyat di peringkat pembekalan barang secara berturusan mengikut rantaian pengedaran," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau berkata, mengikut rekod, sebanyak 5,687 premis diperiksa meliputi 4,193 peruncit, 1,061 pemborong dan 433 pengilang seluruh negeri, sejak Johor memasuki Fasa 3 Pelan Pemuliharaan Negara (PPN) pada 8 Ok-

tobre lalu.

Terdahulu, Mohd Hairul Anuar Bohro mengetui periksaan di Pasar Awam Taman Universiti, di sini, membabitkan keseluruhan sejumlah 98 peniaga.

Katanya, daripada jumlah itu, sebanyak 20 notis dikeluarkan kepada peniaga yang menjual barang pada harga tinggi daripada biasa untuk memberi penjelasan.

Syarikat diminta kemuka justifikasi kenaikan harga roti

Kuala Berang: Gardenia Bakeries (KL) Sdn Bhd, pengeluar produk roti Gardenia diminta mengemukakan justifikasi berhubung cadangan untuk menaikkan harga barangan berkenaan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid, berkata syarikat pengeluar roti itu sudah diminta memperincikan maklumat punca untuk menaikkan harga.

Katanya, syarikat berkenaan diberi tempoh sehingga Isnin ini untuk mengemukakan laporan lengkap justifikasi cadangan untuk menaikkan harga.

"Setakat ini, kita belum menerima justifikasi cadangan syarikat itu untuk menaikkan harga yang dijangka berkuat kuasa 1 Disember depan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Parti Pribumi Bersatu



Rosol berucap merasmikan persidangan BERSATU Bahagian Hulu Terengganu di Dewan Sivik Ajil, semalam.

(Foto Bharatam Bakar/BH)

(BERSATU) Bahagian Hulu Terengganu, di Dewan Sivik Ajil, di sini semalam.

Mengulas kenaikan harga barang mentah dan sayur di pasaran, Rosol yang juga Ahli Parlimen Hulu Terengganu, berkata kenaikan harga bahan mentah berpunca daripada peningkatan kos operasi syarikat penter-

nakan, kos import dan ke naikan harga produk itu di pasaran.

Katanya, punca lain, kilang baru memulakan operasi selepas ditutup berikutan penularan pandemik COVID-19 dan logistik.

"Harga barang dan bahan mentah dijangka stabil selewat-lewatnya bulan depan," katanya.



Kemuka alasan naik harga roti

Kuala Berang: Gardenia Bakeries (KL) Sdn Bhd, pengeluar produk roti Gardenia diminta mengemukakan justifikasi berhubung cadangan untuk menaikkan harga makanan berkenaan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid (*gambar*) berkata, syarikat pengeluar roti itu diberi tempoh sehingga Isnin ini untuk mengemukakan laporan lengkap justifikasi cadangan untuk menaikkan harga.

"Setakat ini, kita belum lagi menerima justifikasi cadangan syarikat itu untuk menaikkan harga yang dijangka berkuat kuasa 1 Disember depan," katanya kepada media ketika dijumpai selepas merasmikan Persidangan Bersatu Bahagian Hulu Terengganu di Dewan Sivik Ajil di Ketika mengulas mengenai kenaikan harga barang mentah dan sayur di pasaran, Rosol yang juga Ahli Parlimen Hulu Terengganu berkata, kenaikan harga bahan mentah berpunca daripada peningkatan kos operasi syarikat penternakan, kos import dan kenaikan harga produk itu di pasaran.

"Punca lain disebabkan kilang baru memulakan operasi selepas ditutup berikutan penularan pandemik Covid-19 dan masalah logistik," katanya.

HARI : AHAD
TARIKH : 28/11/2021
M/SURAT : 1



KPDNHEP tingkat pemeriksaan, pemantauan harga

Pegawai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kedah melakukan pemeriksaan dan pemantauan harga sayur di Pasar Besar Alor Setar, semalam. KPDNHEP Kedah melakukan 342 pemeriksaan di pasar awam utama di negeri ini sejak 1 November lalu untuk memastikan tidak berlaku kenaikan harga barang secara mendadak. **Nasional 16** (Foto ihsan KPDNHEP)

Kenaikan harga bahan mentah, makanan



Pegawai KPDNHEP Kedah melakukan pemeriksaan dan pemantauan harga sayur di sekitar pasar.
(Foto ihsan KPDNHEP)

KPDNHEP perhebat operasi pemantauan

Pemeriksaan tertumpu di pasar awam bagi kawal aktiviti pencatutan

Oleh Zuliaty Zulkifli,
Norzamira Che Noh
dan Nurul Amanina Suhaini
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) terus memperhebat operasi pemantauan dan tindakan undang-undang di seluruh negara bagi mengawal aktiviti pencatutan.

Operasi dan pemantauan itu dilaksanakan susulan aduan serta maklumat berlaku kenaikan harga barang keperluan pengguna terutama bahan basah dan hasil ternakan sejak kebelakangan ini.

Pemantauan dilakukan pegawai penguatkuasa KPDNHEP tertumpu di pasar awam, pasar basah, pasar raya dan kedai runcit.

Di Johor Bahru, sebanyak 64 notis dikeluarkan KPDNHEP kepada peniaga sayur bagi menyiasat aduan berkaitan kenaikan harga jualan.

Pengaranya, Mohd Hairul Anuar Bohro, berkata notis itu dikeluarkan susulan pemeriksaan dijalankan sejak Januari lalu hingga semalam mengesan elemen pencatutan.

Katanya, notis mengikut Seksyen 21, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 itu dikeluarkan khusus bagi jualan barang seperti tomato, lo-

bak, kubis bulat dan cili merah.

"KPDNHEP Johor maklum aduan berkaitan kenaikan harga barang keperluan harian seperti barang basah dan segar; terutama di lokasi tumpuan seperti pasar awam dan basah berikutkan pembukaan semula hampir keseluruhan sektor ekonomi perniagaan.

"Pemeriksaan ini bagi memantau kenaikan harga barangan keperluan utama rakyat pada peringkat pembekalan barang secara berterusan mengikut rantai pengedaran," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata, sebanyak 5,687 premis diperiksa meliputi 4,193 peruncit, 1,061 pemberong dan 433 pengilang sejak Johor memasuki Fasa Tiga Pelan Pemuliharan Negara (PPN) pada 8 Oktober lalu.

Di Alor Setar, KPDNHEP Kedah melakukan 342 pemeriksaan di pasar awam utama di negeri ini sejak 1 November lalu untuk memastikan tidak berlaku kenaikan harga barang secara mendadak.

Pengaranya, Rae Morn Verak, berkata pihaknya memandang serius isu kenaikan harga barang, termasuk sayur-sayuran dan barang mentah sejak akhir-akhir ini.

Beliau berkata, antara punca kenaikan harga barangan adalah peningkatan kos operasi syarikat penternakan, kos import, kenaikan harga bahan dan racun.

"KPDNHEP Kedah menggerakkan 172 pegawai penguat kuasa dan 51 pegawai pemantau harga (PPH) di seluruh negeri ini bagi memantau serta menangani kenaikan harga barang," katanya.

Rae berkata, bagi mengurangkan kesan kenaikan harga barang, terutama bagi penduduk luar bandar dan pedalaman, KPDNHEP melaksanakan pelbagai inisiatif, termasuk program pe-

nyeragaman harga dan program pengedaran barang perlu seperti beras, minyak masak, gula, diesel petrol dan gas memasak.

Beliau berkata, pihak KPDNHEP negeri turut menjalankan pemeriksaan berterusan di pasar awam dan pasar raya untuk memastikan peniaga tidak menjual barang dengan harga yang terlalu tinggi.

Katanya, sepanjang tahun ini, KPDNHEP Kedah menjalankan 69,166 operasi pemeriksaan premis dan mengambil 924 tindakan membabitkan pelbagai akta dengan nilai rampasan RM607,051.75, manakala nilai kompaun sebanyak RM152,600.

Di Shah Alam, sejumlah 365 premis diperiksa KPDNHEP Selangor khususnya memantau harga ayam serta telur sejak 8 hingga 25 November lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Agama Islam, Pengguna dan Industri Halal Selangor, Mohd Zawawi Ahmad Mughni berkata, menerusi pemeriksaan itu sebanyak 57 notis Seksyen 21, Akta Kawalan Harga Dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 dikeluarkan untuk dapatkan justifikasi harga jual runcit.

Katanya, sebanyak tujuh kes diikesan daripada notis berkemana iaitu kesalahan mencatut mengikut Seksyen 14 dan Seksyen 4 AKHAP 2011.

"Pemeriksaan mendapati harga ayam standard dijual antara RM9.50 hingga RM10 bagi satu kilogram (kg) manakala telur ayam gred C dijual antara RM0.32 hingga RM0.45 sen sebiji," katanya.

Mohd Zawawi berkata, KPDNHEP Selangor juga melaksanakan pemeriksaan berfokus terhadap item sayur-sayuran yang turut menunjukkan peningkatan harga sejak kebelakangan ini.

KPDNHEP Terengganu keluar surat pemberitahuan kepada 41 peniaga



Anggota dan pegawai penguat kuasa KPDNHEP sedang memantau harga di salah sebuah pasaraya di Kuala Terengganu, pada Jumaat (foto: Ihsan KPDNHEP)

KUALA TERENGGANU - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Terengganu mengeluarkan surat pemberitahuan di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Harga Anti Percututan (AKHAP) 2011 kepada 41 peniaga ayam, telur ayam dan sayur-sayuran di peringkat borong dan runcit di negeri tersebut untuk menurunkan harga di paras biasa.

Pengaruhnya, Saharuddin Mohd Kia berkata, daripada 41 surat pemberitahuan diberikan itu, seramai empat pemborong didapati enggan menurunkan harga sehingga memaksa pihak kami membuka kertas siasatan untuk tindakan undang-undang.

"Rata-rata mereka memaklumkan kenaikan harga telur ayam disebabkan kenaikan harga makanan ayam dan kos ditanggung oleh pengeluar telur.

"Kenaikan harga sayuran pula disebabkan faktor musim tengkujuh," katanya dalam kenyataan pada Sabtu.

Menurut beliau, bagaimanapun, kenaikan harga sayuran adalah bersifat sementara dan dijangka mengalami penurunan semula selepas keadaan cuaca bertambah baik.

"Pengguna disaran berbelanja secara bijak, pilih premis menawarkan barang pada harga berpatutan dan merujuk kepada aplikasi *Price Catcher* yang disediakan pihak KPDNHEP," katanya.

Dasar sekuriti makanan perlu jaga kepentingan pengguna, pengeluar

Oleh: Dr Nitiv Hirzawati Kamaruzaman
bhencana@bh.com.my



Profesor Madya
di Jabatan
Perniagaan dan
Ekonomi Biosumber,
Fakulti Pertanian
Universiti Putra
Malaysia (UPM)

kenaikan harga makana seperti ayam dan ikan kebelakangan ini menjadi buah mutul pengguna Malaysia. Harga ayam meningkat lima kali dalam tempoh seminggu dari RM8 kepada RM10.70 sekelogram.

Itu mengejutkan pengguna kerana peningkatan berlaku mendadak. Ini disulsi harga ikan seperti selayang yang naik daripada RM9 kepada RM14 sekelogram, serta kembung daripada RM17 kepada RM20 sekelogram. Hal ini mendatangkan kegusaran pengguna, terutama dalam kalangan berpendapatan rendah.

Belum pun reda itu kenaikan harga makana itu, kini ditambah pula kenaikan harga sayur-sayuran. Sayur seperti kubis bunga, sawi pendek dan brokoli meningkat antara 100 hingga 200 peratus berbanding harga lama.

Sebelum ini, kubis bunga dijual pada harga RM7 sekelogram, namun mencecah RM16 sekelogram. Sawi pendek pula meningkat kepada RM9 sekelogram berbanding RM3 sebelum ini.

Daripada segi punca, faktor utama mempengaruhi kenaikan harga adalah cuaca yang tidak menentu seperti musim hujan melanda di kebanyakan negeri di Malaysia. Di Cameron Highlands contohnya, disebabkan hujan berlaku kerosakan sayuran milik petani yang mencetuskan ketidak cukupan bekalan di pasaran sehingga menyumbang kenaikan harga secara impulsif.

Dianggarkan antara 100 hingga 150 kilogram (kg) tomato rosak akan dibuang pekebun sehari berikutan kualiti tidak memepati standard yang ditetapkan untuk pemasaran.

Bekalan sayur-sayuran import turut terjejas akibat negara pengeluar seperti Thailand dan Vietnam mengalami cuaca sejuk melampau, selain kos logistik dari negara berkenaan juga bertambah.

Berdasarkan rekod, jumlah import sayuran ke Malaysia pada 2019 adalah 1.82 juta tan dengan sayur-sayuran seperti bawang merah, bendi, brokoli, cendawan, cili, keledek, kubis dan kubis bunga diimport dari China, India, Indonesia dan Thailand.

Dalam pada itu, perubahan harga input pertanian seperti baja, bahan kimia, mesin dan tenaga kerja juga turut menyumbang kepada kenaikan harga hasil pertanian. Walaupun dengan bantuan kerajaan kepada pekebun kecil, harga baja meningkat sehingga 100 peratus serta kadar upah yang turut sama meningkat tidak dapat membantu dalam menangani kenaikan harga barang utama makana.

Secara purata, komponen kos bahan makana dalam perbelanjaan pengguna adalah dalam lingkungan 28 peratus. Kos sara hidup tinggi ini terutama di bandar, ditambah pula kenaikan harga sayur-sayuran secara mendadak mengakibatkan golongan berpendapatan rendah semakin sukar men-

dapatkan sumber makana sihat.

Kenaikan harga sayur-sayuran ini bukan hanya menjasakan pengguna, malah turut memberi kesan kepada peniaga dan pemborong kerana mereka membeli sayur-sayuran secara pukal dengan harga tinggi. Peniaga berisiko menanggung kerugian jika berlaku lambakan sayur-sayuran tidak terjual.

Sehubungan itu, dalam jangka masa pendek, kerajaan perlu mengembangkan lagi program jaringan keselamatan seperti sokongan makanan dan pendapatan, serta program nutrisi yang memfokuskan kepada perkembangan awal kanak-kanak untuk golongan miskin tegas di bandar dan luar bandar.

Ini bagi memastikan golongan terkesan dengan kenaikan harga sayur-sayuran ini dapat terus menikmati sumber makana berkhasiat.

Kerajaan melalui agensi berkaitan perlu mengawal selia pemasaran dan pengagihan sayur-sayuran di Malaysia dengan lebih ketat, supaya tiada monopoli harga dalam pasaran oleh orang tengah.

Mana-mana peniaga yang menaikkan harga melebihi harga siring boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti-Pencutatan 2011 bagi memastikan hak pengguna terpelihara.

Kerajaan juga disaran mewujudkan Jawatankuasa Perundingan Harga bagi memastikan harga sayur dalam pasaran mampu dibeli oleh pengguna dan dalam masa sama, pengeluar sayuran juga dapat menikmati hasil pulangan yang berpatutan.

Bagi jangka masa panjang pula, penggalahan dasar terhadap sekuriti makana lebih holistik yang menggabungkan antara kelestarian pengeluaran dan penggunaan serta jaringan keselamatan makana, perlu dirangka dalam pembangunan ekonomi.

Antara inisiatif untuk mengurangkan insiden kekurangan bekalan makana adalah seperti berikut:

- Seperti dalam sektor tanaman industri (diusahakan syarikat perlادangan selain pekebun kecil), sektor pengeluaran makana perlu juga diusaha-

kan oleh usahawan. Ini bagi memastikan sektor ini dihangunkan menjadi sektor moden, berdaya saing dan komersial.

Di UPM contohnya, ada menawarkan Program Inkubasi Usahawantani. Peserta dipilih terutamanya daripada pemegang ijazah dalam bidang pertanian yang mempunyai kecenderungan terhadap keusahawanan. Mereka dinikubasi selama enam bulan di mana pada akhir tempoh inkubasi, peserta berjaya akan mempunyai perniagaan pengeluaran makana masing-masing.

- Melaksanakan dasar guna tanah untuk meningkatkan pengeluaran makana melalui penyisihan kawasan tanah pertanian khusus untuk penghasilan makana dan sumber pemakanan lain.

- Melaksanakan program khas yang akan meningkatkan produktiviti dengan tujuan untuk mengurangkan kos serta meningkatkan dan menstabilkan pengeluaran dan pendapatan golongan miskin. Program sedemikian termasuk meningkatkan akses pengeluar kecil kepada input pertanian, kredit dan perkhidmatan penting lain serta pasaran. Peranan koperasi dalam meningkatkan pendapatan petani perlu ditekankan; dan

- Proses perbandaran pesat manakir kemiskinan dan isu sekuriti makana ke bandar, memandangkan penghuni bandar adalah pembeli makana bersih dan bergantung kepada pendapatan untuk mengakses makana. Mempromosikan pertanian bandar akan dapat mengurangkan perbelanjaan makana isi rumah bandar.

Apabila yang penting sekarang adalah pihak berkuasa perlu memantau harga makana secara berterusan, memastikan penyampaian input pertanian kepada petani secara berkesan, memastikan kelancaran operasi logistik rantai bekalan makana, memastikan penyimpanan stok makana mencukupi dalam keadaan darurat serta memastikan aliran perdagangan yang lancar dan memanfaatkan sepenuhnya pasaran antarabangsa sebagai alat penting untuk mendapatkan bekalan dan permintaan makana.



Pemasaran dan pengagihan sayur-sayuran perlu dikawal selebih ketat bagi memastikan tiada monopoli harga dalam pasaran oleh orang tengah.
(Foto: Hasan)

HARI : AHAD
TARIKH : 28/11/2021
M/SURAT : 16

Senarai Harga Barang Keperluan					
Ayam	RM6.50	Telur Gred A	RM12.30	Gula Pasir	RM2.85
Daging Lembu Tempatan	RM35.02	Ikan Kembung	RM10.99	Bawang Besar Holland	RM2.99
Daging Lembu Import	RM15.50	Minyak Masak	RM6.40	Bawang Putih	RMS.50
				Cili Merah	RM11.97
				Kubis Bulat Tempatan	RM4.99
				Tepung Gandum	RM2.19

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (AGENSI KPDNHEP)

28 NOVEMBER 2021 (AHAD)

Kerangka Pelaporan Pemunya Benefisial SSM Galak Ketelusan Korporat

SSM memperkenalkan konsep pemunyaan benefisial di bawah Akta Syarikat 2016 berkuatkuasa 31 Januari 2017

Entiti korporat adalah merupakan salah satu penyumbang utama bagi memacu pertumbuhan serta kestabilan ekonomi sesebuah negara. Walau bagaimanapun, ianya juga terdedah sebagai entiti yang boleh disalahguna bagi menjalankan kegiatan-kegiatan haram seperti pengubahan wang haram, pembentukan aktiviti keganasan dan kesalan-kesalan berat yang berkaitan.

Bagi mengelak salahguna ini serta mendokong aspirasi agar ekosistem korporat bebas daripada kegiatan haram, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah memperkenalkan beberapa langkah untuk mengenal pasti individu di sebalik entiti-entiti korporat. Ini adalah merupakan salah satu kaedah untuk memastikan entiti korporat yang berdaftar atau beroperasi dari Malaysia, dilindungi dari penyalahgunaan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti haram.

Ketua Pegawai Eksekutif SSM, Datuk Nor Azimah Abdul Aziz berkata langkah-langkah tersebut digariskan di bawah *Guideline for the Reporting Framework for Beneficial Ownership of Legal Persons* di bawah Seksyen 20C Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 untuk memberikan garis panduan umum mengenai kerangka pelaporan Pemunyaan Benefisial (kerangka pelaporan BO) untuk semua entiti yang didaftarkan di bawah undang-undang SSM yang berkaitan.




Datuk Nor Azimah Abdul Aziz

Nor Azimah berkata dalam konteks global, kerangka pelaporan seperti ini bukannya perkara baharu kerana sudah diperkenalkan di banyak negara lain seperti di United Kingdom dan Singapura sebagai langkah untuk membantera kesalan korporat antaranya seperti pengelakkan pembayaran cukai.

"SSM memperkenalkan konsep pemunyaan benefisial di bawah Akta Syarikat 2016 yang dikuatkuasakan pada 31 Januari 2017. Akta tersebut mewajibkan syarikat menyerahkan pernyataan tahunan mereka dibawah Seksyen 68 Akta Syarikat 2016 sementara Seksyen 56 Akta yang sama menyediakan panduan umum bagi syarikat untuk mendapatkan maklumat pemunya benefisial dari pemegang saham mereka. Perkongsian liabiliti terhad pula perlu menyerahkan maklumat pemunya benefisial kepada Pendaftar melalui perisyihan tahunan," katanya.

Dalam menerangkan konsep pemunya benefisial, Nor Azimah berkata pemunya benefisial adalah individu atau orang perseorangan yang secara mutlaknya memiliki atau mengawal sebuah entiti.

Beliau juga menerangkan bahawa garis panduan ini terpakai untuk semua entiti yang sah seperti syarikat (syarikat tempatan dan asing), perkongsian liabiliti terhad (perkongsian liabiliti terhad tempatan dan asing) dan perniagaan (pemilik tunggal dan perkongsian).



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA
(Agensi di bawah KPDNHEP)

"Di bawah kerangka pelaporan BO, syarikat atau perkongsian liabiliti terhad perlu mengenal pasti, memperoleh dan mengesahkan maklumat pemuna benefisial.

"Syarikat atau perkongsian liabiliti terhad juga perlu merekodkan maklumat pemuna benefisial ke dalam daftar pemuna benefisial, menyimpan maklumat yang terkini supaya maklumat tersebut dapat diakses apabila diperlukan dan mengemaskini maklumat setiap kali terdapat perubahan.

"Di samping itu, syarikat dan perkongsian liabiliti terhad juga perlu membuat permakluman kepada Pendaftar, menyimpan maklumat pemuna benefisial dan dokumen sokongan di pejabat berdaftar atau tempat di mana daftar anggota atau daftar rakan kongsi disimpan dan memberikan akses kepada pihak berkuasa apabila diminta," katanya.

Tambahnya, maklumat pemuna benefisial harus disimpan dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Melayu selama tujuh tahun dari tarikh seseorang itu tidak lagi menjadi pemuna benefisial.

Nor Azimah berkata garis panduan ini mencadangkan bahawa syarikat dan perkongsian liabiliti terhad antara lain harus mempunyai polisi dalaman berkaitan pelaporan pemuna benefisial termasuk keperluan bagi semua pemegang saham atau rakan kongsi untuk memaklumkan syarikat atau perkongsian liabiliti terhad mengenai perubahan pemuna benefisial.

"Pemuna benefisial perlu membuat pelaporan pemunaan benefisial yang tepat untuk memastikan mereka bebas dari kegiatan haram dan pada masa yang sama dapat membantera kegiatan jenayah yang berselindung" di sebalik entiti perniagaan." - Datuk Nor Azimah Abdul Aziz

"SSM menggesa pemuna benefisial untuk membuat pelaporan yang tepat untuk memastikan mereka bebas dari kegiatan haram dan pada masa yang sama dapat membantera kegiatan jenayah yang berselindung di sebalik entiti perniagaan."

Guideline for the Reporting Framework for Beneficial Ownership of Legal Persons boleh diakses di portal rasmi SSM di www.ssm.com.my.

Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan SSM di talian 03-77214000 atau e-mel kepada enquiry@ssm.com.my.